

**SATU KAJIAN TENTANG
SISTEM PILIHANRAYA DI MALAYSIA
(Tumpuan Kepada Semenanjung Malaysia)**

OLEH:

HIDZIR B. YAHYA

000001

**KERTAS PROJEK
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA
MUDA UNDANG-UNDANG**


**FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA**

1976/77

PERAKUAN KEIZINAN

Dalam mengemukakan Kertas Projek ini bagi memenuhi sebahagian dari kehendak-kehendak Peraturan untuk mendapat ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya, saya yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengesahkan bahawa saya telah bersetuju supaya perpustakaan-perpustakaan di Universiti Malaya memberi kebenaran dengan bebasnya kepada sesiapa yang hendak membuat rujukkan dan kajian ataupun untuk rujukkan dan kajian terhad. Seterusnya, saya juga bersetuju bahawasanya kebenaran untuk menyalin, memadan, menyedut atau menggunakan bahan-bahan kajian dalam Kertas Projek ini untuk maksud-maksud akademik bolehlah dibenarkan oleh Dekan, Fakulti Undang-Undang mengikut budibicaranya. Adalah difahamkan bahawa penyalinan atau pencetakan Kertas Projek ini dalam apajua bentuk sekalipun untuk maksud-maksud keuntungan tidaklah dibenarkan, melainkan dengan kebenaran bertulis dari saya.

Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya.

.....

(UEDAIR BIN KANYA)

September 1976.

P E N G H A R G A A N

Kertas Projek ini disediakan bagi memenuhi keperluan untuk mendapatkan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dalam masa menyedia dan menyiapkan Kertas Projek ini, penulis banyak berhutang budi kepada Encik Azmi Khalid, pensyarah di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Ini adalah kerana nasihat-nasihat, panduan dan semakan yang telah dibuat oleh beliau sepanjang masa beliau menyelia Kertas Projek ini.

Penulis juga ingin merakamkan rasa terimakasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, kerana kerjasama yang telah diberikan sewaktu penulis menjalankan temuduga disana pada bulan April 1976.

Sekian, terimakasih.

Hidzir Yahya

K A N D U N G A N

Malca Surat

PERINGIHAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI KES-KES	v
SENARAI PERUNDANGAN-PERUNDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN-SINGKATAN	x
SENARAI JADUAL	xi
PENDAHULUAN	1
- Tujuan Kajian	1
- Bidang Kajian	2
- Methodologi	2
- Masalah	3
- Ringkasan Kajian	3
BAB I: PENGERTIAN DAN SISTEM PILIHANRAYA	5
- Makna Pilihanraya	6
- Sistem-sistem Pilihanraya	8
- Masalah dalam Pembentukan Sistem Pilihanraya di Malaysia	16
- Sistem Pilihanraya di Malaysia	20
BAB II: SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM PILIHANRAYA DI MALAYSIA	24
- Permulaan Pilihanraya	24
- Pilihanraya 1955	36
- Pilihanraya 1959	38
- Pilihanraya 1964	45
- Pilihanraya 1969	47
- Pilihanraya 1974	49

BAB III:	PENYELIAAAN PILIHANRAYA	55
-	Kepentingan Suruhanjaya Pilihanraya	55
-	Keanggotaan dan Organisasi Suruhanjaya	56
-	Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya	60
-	Kuasa, Peranan, Tugas Suruhanjaya	64
-	Peraksanaan Tugas Suruhanjaya	66
-	Kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya	68
BAB IV:	PERSEMPADANAN KAWASAN PILIHANRAYA	73
-	Persoalan Persempadanan di Malaysia	75
-	Laporan 1954	78
-	Laporan 1958	82
-	Laporan 1960	83
-	Laporan 1974	85
-	Perinsip-perinsip Persempadanan	94
-	Acara Mempersempadankan	97
BAB V:	KELAYAKAN DAN PENDAFTARAN PENGUNDI	103
-	Persoalan Pendaftaran di Malaysia	105
-	Kelayakan Pemilih	107
-	Pendaftaran Pemilih	109
BAB VI:	PERJALANAN PILIHANRAYA	117
-	Perjalanan Pilihanraya di Malaysia	118
-	Mancabar Pemilihan	131
BAB VII:	KESALAHAN-KESALAHAN PILIHANRAYA	133
-	Kesalahan Pilihanraya	134
-	Amalan Tidak Jujur	142
-	Wakil Pilihanraya	149
-	Perbelanjaan Pilihanraya dan Amalan Salah	151
-	Melepaskan Diri Daripada Akibat Kesalahan Amalan tidak Jujur dan Amalan Salah	154
-	Rayuan Pilihanraya	157
-	Lain-lain Kesalahan	172

PERMULAN	175
LAMPIRAN	189
BIBLIOGRAPHY	195

SENARAI KES-KES

1. Ali Amberan v. Tunku Abdullah [1970] 2 M.L.J. 15.
2. Abu Bakar v. Mohammad Zain [1966] 2 M.L.J.
3. Abdul Karim v. Mohammad Taib [1969] 2 M.L.J. 72.
4. Ching Thai Van v. Watson, Hamid Datun v. Miansail, Richard Yap v. Tun Datu Mustapha bin Datu Marum [1968] 1 M.L.J. 65.
5. David Marshall v. M. Ponnudurai [1963] M.L.J. 29.
6. Devan Nair v. Yong Euan Seik [1957] 1 M.L.J. 261
7. Fan Yew Teng v. Setiausaha Dewan Rakyat [1975]
8. Isahak David v. Mustapha [1965] 2 M.L.J. 18.
9. Hoh Yin Chye v. Leong Kee Nyeen [1961] M.L.J. 67.
10. Lin See Lock v. Supervisor of Election [1965] 2 M.L.J. 73.
11. Mohammad Jaafar v. Sulaiman [1970] 1 M.L.J. 18.
12. Kuip bin Talib v. Dato James Wong, Wan Hamid bin Tunku Surur v. Francis Loke [1971] 1 M.L.J. 246.
13. P.F. v. Choy Kok Huan [1959] M.L.J. 80.
14. Reg v. Straits Times (S) Ltd. [1968] M.L.J. 113.
15. Re Pertina Tinor Election 1961, Yaw Ah Chai v. Chai Kia Poh [1962] M.L.J. 293.
16. Richard Yap v. Mustapha [1969] 1 M.L.J. 65.
17. Yap Choon Kong v. The Returning Officer, Muang [1962] M.L.J. 19.
18. Re Election Petition of Cheah Song Teik [1958] M.L.J. 275.
19. Re Pertina Tinor Election (No. 2) [1962] M.L.J. 333.
20. Re Lee Ah Meng [1969] 2 M.L.J. 10.

21. Sulaiman v. Choong Yoon Chong [1957] M.L.J. 170.
22. Tengku Noor Asiah bt. Tengku Ahmad (Petitioner), Election Petition No. 7, 1969, Federal Government Gazette PU(E) 21hb January 1971.
23. Tunku Abdullah v. Ali Aibazan [1971] 1 M.L.J. 25.
24. Yong Kuan Teik v. Devan Hair [1965] 2 M.L.J. 162.
25. Yong Kuan Teik v. Devan Hair [1964] M.L.J. 456.
26. Mohammad Jaafar v. Sulaiman [1970] 1 M.L.J. 18.

SEJARAH PERUNDANGAN-PERUNDANGAN

1. Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya, 1954.
2. Federation of Malaya Agreement 1948, Government Printer Kuala Lumpur, 1955.
3. Federation of Malaya, Federal Constitution, 1957, Government Printer, Kuala Lumpur, 1957.
4. Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Pencetak Kerajaan, 1972.
5. Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya, 1971.
6. Peraturan-peraturan (Perjalanan Pilihanraya) Pilihanraya, 1959.
7. Peraturan-peraturan Rayuan Pilihanraya, 1954.
8. Peraturan-peraturan Pilihanraya (Mongundi melalui Pos), 1959.
9. Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957, (disemak 1970).

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Organisasi Suruhanjaya Pilihanraya

Rajah 2: Pegawai-Pegawai Pilihanraya

Rajah 3: Tempat Mengundi

SENARAI SINGKATAN-SINGKATAN

- D.A.P. - Parti Tindakan Rakyat
G.R.M. - Parti Gerakan Rakyat Malaysia
M.C.A. - Malayan Chinese Association
M.I.C. - Malayan Indian Congress
M.L.J. - Malayan Law Journal
M.L.R. - Malayan Law Review
P.A.S. - Parti Islam Setengah Melayu
P.P.P. - People Progressive Party
U.M.N.O. - United Malay Nation Organisation

SENARAI JADUAL

- Jadual 1: Bilangan Penduduk Persekutuan, 1954
- Jadual 2: Bilangan Kawasan-kawasan Pengundian, 1955
- Jadual 3: Bilangan Kawasan-kawasan Pilihanraya, 1960
- Jadual 4: Bilangan Bahagian Pilihanraya Umum, 1964
- Jadual 5: Bahagian Pilihanraya 1974
- Jadual 6: Quota Pemilih Parlimen, 1974
- Jadual 7: Tambahan Bilangan Pengundi dan Peratus Mengikut Penduduk

PENDAHULUAN

Pilihanraya adalah satu unsur yang penting bagi negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Melalui pilihanraya rakyat diberi peluang memilih wakil-wakil mereka di badan-badan perwakilan yang tertentu. Disinilah hak dan kepentingan rakyat di-suarakan. Di negara-negara yang tertentu, perkara mengenai pilihanraya ini dimasukkan ke dalam Perlembagaan. Ini bermakna mengkaji pilihanraya ini juga mengkaji sebahagian daripada aspek Perlembagaan Negara.

Tujuan Kajian

Kajian seperti ini belum pernah dibuat oleh penuntut-penuntut dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Beberapa aspek dari pilihanraya pernah dikaji oleh siswadi Jabatan Pentadbiran Awan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Tetapi kajian mereka tidak banyak menyentuh tentang sistem itu sendiri, cuma kajian itu selalunya berbentuk pendekatan dari segi politik. Mereka membincangkan kesan-kesan politik atau parti-parti politik yang bertanding.

Memandangkan hal ini dirasakan perlu dibuat satu kajian mengenai sistem pilihanraya itu sendiri. Lebih-lebih lagi perkara-perkara mengenai pilihanraya ini ada diperuntukan dalam Perlembagaan Malaysia. Ini bermakna kajian ini adalah mengkaji satu aspek dari Perlembagaan Malaysia, iaitu yang berhubung dengan pilihanraya.

Sistem pilihanraya di Malaysia adalah satu perkara yang menarik untuk dikaji. Kewujudan, perkembangan dan perjalanannya merupakan asas bagi kajian ini. Kajian seperti ini bukan sahaja untuk menjelaskan sistem itu, tetapi juga untuk membuat satu penilaian. Dimana-mana yang perlu, cadangan-cadangan disertakan.

Bidang Kajian

Ini merupakan satu kajian pilihanraya. Iaitu sistem pilihanraya di Malaysia, sebagaimana dipandang dari peruntukan mengenainya dalam perlembagaan dan beberapa perundangan yang berkenaan.

Bidang kajian ini adalah cuma meliputi keadaan sistem pilihanraya seperti yang dijalankan di Malaysia Barat. Iaitu dari detik masa tahun 1955 hingga pilihanraya 1974. Jenis pilihanraya yang dikaji ialah pilihanraya Dewan Rakyat dan pilihanraya untuk Dewan Undangan Negeri.

Methodologi

Kajian ini adalah berdasarkan beberapa sumber dan penyelidikan. Dalam menjelaskan perjalanan sistem pilihanraya, kajian dibuat berdasarkan perlembagaan dan beberapa perundangan yang berkenaan. Ini bermakna melibatkan tafsiran-tafsiran perundangan. Dalam beberapa keadaan, rojokan dibuat kepada beberapa data dan rajah.

Selain daripada itu ada tempatnya, dimana penjelasan melibatkan penganalisan kes-kes yang diputuskan di mahkamah.

Rojokkan juga dibuat kepada dokumen-dokumen mengenai pilihanraya yang berupa Penyata, Laporan, memorandum dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu telah dijalankan soal-selidik atau temuduga di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya. Disana, pegawai-pegawai dari Suruhanjaya telah bekerjasama memberikan data yang dikehendaki. Dibeberapa tempat, hasil temuduga ini ada disebutkan.

Kajian juga dijalankan berdasarkan pemerhatian-pemerhatian yang dibuat sendiri ketika pilihanraya dijalankan.

Masaalah

Tidak banyak masaalah yang dihadapi ketika kajian ini dijalankan. Beberapa perundangan yang disediakan telah memudahkan kajian ini dijalankan. Tetapi dalam beberapa bab, penganalisan kes-kes tidak dapat dibuat kerana kurangnya kes-kes pilihanraya. Kes-kes ini penting dalam menolong pentafsiran perundangan yang berkenaan. Walau bagaimanapun penganalisan kes-kes telah dapat dibuat dengan lancar dalam Bab Ketujuh.

Ringkasan Kajian

Dalam Bab Pertama ditinjau tentang makna pilihanraya, juga dikaji beberapa teori-teori sistem pilihanraya, selepas itu disebutkan masalah-masalah dalam membentuk satu sistem pilihanraya di Malaysia. Secara ringkas disebutkan juga gariskasar sistem itu. Dalam Bab Kedua pula ditinjau perkembangan sistem itu di Malaysia.

Bab Ketiga merupakan tinjauan aspek pertama berhubung dengan penyeliaan pilihanraya. Disini dikaji organisasi dan fungsi Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia dalam menjalankan sesuatu pilihanraya.

Dalam Bab Keempat pula ditinjau persiapan sebelum diadakan pilihanraya. Ini adalah berhubung dengan proses persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya.

Persiapan selanjutnya ialah pendaftaran pengundi dan penyediaan daftar pemilih. Ini disebutkan dalam Bab Kelima Bab Keenam adalah menjelaskan bagaimana pilihanraya dijalankan. Seterusnya perkara-perkara mengenai kesalahan-kesalahan pilihanraya disebutkan dalam Bab Ketujuh. Disini beberapa kajian terhadap kos-kes pilihanraya telah dibuat.

Dalam Bab Penutup dibuat beberapa penilaian. Disinilah dikaji kelemahan dan kebaikan pada sistem yang ada itu. Dibeberapa tempat, cadangan-cadangan ada diberikan.